Rajah di atas menunjukkan sasaran utama penubuhan KV adalah melengkapkan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan di industri. Berdasarkan situasi ini dapatlah disimpulkan kerjasama dengan pihak industri dalam pembangunan kurikulum tidak dapat dielakkan dan bakal menjadi penentu kejayaan sesebuah program di KV. Ini adalah selari dengan kajian oleh Mohd Jalil, Noor Hisham, dan Annas Akhmal (2015) yang menekankan dengan adanya kemudahan pendidikan dan latihan yang disediakan oleh Institusi TVET seperti Kolej Vokasional, diharap mampu melahirkan tenaga kerja yang terlatih dan kompeten selaras dengan keperluan industri dan pasaran kerja.



Di negara-negara maju yang lain seperti Jepun dan Jerman, langkah meningkatkan penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum telah dilaksanakan sejak dahulu lagi. Sebagai contohnya pada bulan September 2012, sebanyak 21 buah universiti di Chubu, Jepun telah dipilih untuk menyertai projek nasional yang bertajuk “*Improving Higher Education for Meeting Industrial Needs*” (Ito, 2014). Menurut Ito (2014) lagi, program ini telah ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Jepun bagi memperbaiki sistem pendidikan tinggi dalam membangunkan kemahiran pekerjaan yang diperlukan oleh industri. Ia dilaksanakan melalui perkongsian maklumat, pengetahuan dan strategi di antara institusi pengajian dan rakan kongsi industri di Jepun. Seterusnya kajian oleh Remington (2018) pula telah mendedahkan amalan dan kaedah TVET yang berjaya dilaksanakan oleh negara Jerman. Menurutnya, pihak industri dan institusi latihan di Jerman sama-sama berkongsi tanggungjawab dalam membangunkan latihan teknikal dan vokasional melalui model yang dikenali sebagai Sistem Dual Latihan Dan Pendidikan Nasional. Kerjasama industri dan institusi latihan ini telah membuahkan hasil yang sangat memberangsangkan dan telah menarik minat negara-negara lain di seluruh dunia.

Bertitik tolak daripada hal ini, sewajarnya langkah-langkah yang giat dan berterusan perlu diambil oleh Malaysia dalam membangunkan sistem vokasional yang mampu melahirkan tenaga kerja yang akan menjadi tunjang terhadap pembangunan ekonomi negara. Diharap dengan kewujudan model pelaksanaan yang berteraskan amalan industri dan kemahiran pekerjaan mampu menjadi pencetus terhadap peningkatan kemajuan pendidikan negara.



1.2 Latar Belakang Kajian

Isu berkaitan memenuhi keperluan industri dalam sistem pendidikan sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Pertumbuhan pesat pembangunan di sesebuah negara pada masa kini memerlukan pekerja yang lebih mahir dalam sesuatu bidang yang diikuti. Ia merangkumi pelbagai aspek termasuklah kesediaan dari sudut pengetahuan dan kemahiran (Edokpolor & Owenvbiugie, 2017). Ini selari dengan kajian oleh Vineles (2018) yang menekankan antara cabaran terbesar dalam merealisasikan hasrat negara-negara ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) untuk menjadi gergasi ekonomi yang ke-empat terbesar di dunia menjelang tahun 2030 adalah memanfaatkan sepenuhnya tenaga kerja di industri. Menurut Vineles lagi, cabaran berkaitan meningkatkan kemahiran tenaga kerja antara negara-negara ASEAN adalah berbeza antara satu sama lain serta bergantung pada ciri-ciri tenaga kerja setiap negara untuk bertindak balas terhadap permintaan kemahiran khusus industri.

Di Malaysia, usaha ke arah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar untuk memasuki alam pekerjaan di industri telah lama diberikan perhatian. Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mula diperkenalkan selepas tertubuhnya Jabatan Pengurusan Teknikal (JPT) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 1964. Tahun demi tahun, TVET di Malaysia mengalami pelbagai perubahan dan inovasi seiring dengan perkembangan dasar-dasar negara yang sentiasa ditambahbaik bagi meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap yang lebih tinggi (Rosmawati Mion, 2018). Berdasarkan Ahmad Luthfi dan Mohamad Sattar (2017), Transformasi Pendidikan Vokasional sejak tahun 2013 merupakan usaha yang signifikan dalam meningkatkan taraf TVET di Malaysia. Menurutny lagi, menaik taraf



Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV) merupakan salah satu langkah awal dan agenda penting dalam memacu negara ke arah negara berpendapatan tinggi. Ini kerana memperkasakan pembangunan modal insan telah dikenal pasti antara faktor yang mampu meningkatkan pembangunan negara melalui satu sistem pendidikan vokasional yang baharu dan terancang.

Walau bagaimanapun menurut Ahmad Esa, Suhaili dan Suria Sindhi Shariati (2015), kadar pengangguran dalam kalangan graduan masih berada di paras yang tinggi. Seseengah kriteria yang digariskan oleh majikan dalam pengambilan pekerja baru adalah melibatkan penguasaan kemahiran teknikal dan kemahiran pekerjaan yang terkini. Namun sebahagian graduan masih kurang kemahiran yang diperlukan sehingga menyebabkan majikan memberi keutamaan terhadap pekerja yang lebih berpengalaman berbanding graduan yang terpaksa diberikan latihan intensif terlebih dahulu (Ahmad et al., 2015). Sehubungan itu, usaha yang lebih perlu diambil oleh institusi pengajian yang ada bagi menyusun semula program pengajian serta menambah baik kurikulum semasa. Usaha ini sejajar dengan kajian oleh Arianty dan Purwanto (2018) yang menunjukkan keperluan pihak industri terhadap graduan yang lebih bersedia dari aspek kemahiran teknikal dan perubahan semasa.

Polemik ini adalah lanjutan daripada kajian oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara dalam perbincangan *Study on the Unemployment Situation in Malaysia* pada 2003. Dalam kajian ini telah mengenal pasti beberapa punca pengangguran dalam kalangan graduan. Antaranya kekurangan latihan kemahiran di institusi sebagai persiapan memasuki alam pekerjaan. Selain itu, kelemahan daripada aspek kualiti dan kebolegunaan tenaga kerja dalam kalangan graduan dalam aspek tertentu serta



kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa kedua turut dikenal pasti. Ini membuktikan bahawa tumpuan yang lebih perlu diberikan terhadap kepelbagaian aspek ini dalam memastikan graduan yang bakal dikeluarkan memiliki ilmu, kemahiran dan ciri-ciri yang bernilai pada konteks tertentu (Stiwne & Jungert, 2010).

Selain itu, terdapat juga kajian lain yang menunjukkan jurang prestasi yang paling besar bagi graduan yang mula bekerja adalah kemahiran komunikasi dan interpersonal (Zafir et al., 2011). Walaupun institusi pengajian tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya terhadap permasalahan ini, sesuatu pendekatan baru perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi tahap komunikasi dan interpersonal graduan. Ini kerana kajian oleh Zafir et al. (2011) jelas memperlihatkan penguasaan kemahiran ini di samping kemahiran akademik (pengetahuan dan kemahiran) yang baik mampu memberikan peluang dan kelebihan yang besar kepada mereka untuk memperoleh pekerjaan.

Kewujudan KV adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam menambah bilangan graduan yang bekerja dalam sektor perindustrian seterusnya mengurangkan kebergantungan kita terhadap pekerja asing. Ini selari dengan kajian oleh Nurazimah dan Yusri (2013) yang memberikan hasil yang positif terhadap proses penjenamaan semula SMV kepada KV. Menurut Nurazimah dan Yusri (2013) lagi, dengan pelbagai cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi, diharapkan transformasi ini akan mampu melahirkan tenaga kerja yang berkualiti seterusnya menjadi pemangkin terhadap pertumbuhan ekonomi negara.



Bagi memastikan hasrat menambah bilangan graduan yang bekerja dalam sektor perindustrian dapat dicapai, penambahbaikan secara berterusan perlu dilakukan terhadap kurikulum sedia ada bagi memastikan ianya relevan dengan keperluan semasa. Kurikulum di KV mesti selari dengan kehendak dan keperluan semasa supaya sasaran yang ditetapkan tidak tersasar. Lebih-lebih lagi terhadap bidang-bidang kejuruteraan yang sentiasa terdedah dengan perkembangan teknologi yang baharu dan terkini. Isu ini kritikal dengan adanya kajian-kajian seperti Moses, Muladi dan Wibawa (2016) yang mempersoalkan hubungan kerjasama yang wujud di antara industri dan institusi latihan sebagai penyelesaian terhadap kelemahan kemahiran kompetensi, pengetahuan dan sikap graduan.

Berdasarkan sorotan latar belakang kajian berkenaan permasalahan yang wujud ini, dapatlah disimpulkan bahawa perhubungan di antara industri dan kurikulum di KV adalah sangat penting dan perlu sentiasa di tambah baik demi menjamin keberkesanan sistem TVET yang dilaksanakan untuk mengeluarkan tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak kajian membincangkan kepentingan kurikulum dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian. Polemik ini dikuatkan lagi dengan pernyataan mengenai kelemahan kurikulum menjadi salah satu faktor menyebabkan pelajar bermasalah untuk menyesuaikan diri dalam industri (Erina et al., 2014). Berdasarkan sorotan kajian oleh Valdivia (2017), Kurikulum mestilah sentiasa dikemas





kini agar bergerak seiring dengan tuntutan kemahiran dan teknologi semasa supaya pelajar lebih bersedia dan berdaya saing apabila memasuki industri kelak. Namun kajiannya mendapati pelajar kurang persediaan ke arah alam pekerjaan dan pendedahan awal perlu bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar seterusnya menjadi lebih kompetitif bersaing dengan tenaga kerja asing. Mengulas isu ini juga, Manivannan dan Suseendran (2017) turut menekankan tanggungjawab kurikulum dalam memenuhi keperluan industri serta melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar.

Dari perspektif yang berbeza, Muladi, Wibawa dan Moses (2018) telah menegaskan bahawa walaupun kerjasama antara industri dan institusi vokasional telah wujud, namun masih terdapat banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dari sudut kesepadanan kurikulum dengan keperluan industri. Ini adalah selari dengan kajian oleh Hariparsad (2015) yang menjelaskan permasalahan kurikulum ini adalah berkadar langsung dengan kekurangan penglibatan pihak industri dalam pembangunan sesuatu kurikulum sebagaimana kajiannya di Jabatan Kejuruteraan Awam, *Durban University of Technology* (DUT). Beliau berpandangan dengan lebih banyak input oleh pihak industri, graduan yang berorientasikan kerja dapat dihasilkan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja seterusnya meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan.

Kurikulum program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional (KV) juga tidak terkecuali dalam hal ini serta amat memerlukan penglibatan industri dalam pembinaan kurikulumnya kerana bidang teknikal ini sering terdedah dengan pembaharuan teknologi dan kemahiran baharu (Mohd Jalil et al., 2015). Ini seiring dengan pandangan Harty (2005) yang melihat bidang pembinaan sentiasa mengalami





perubahan terhadap aspek proses pembinaan dan pengurusan. Oleh itu pemantauan dan penambahbaikan kurikulum secara berterusan perlu bagi memastikan ianya sejajar dengan arus teknologi dan keperluan semasa. Namun demikian, Uziak (2015) menjelaskan dalam kajiannya bahawa kebanyakan kurikulum dalam bidang kejuruteraan ini tidak menyediakan kesemua pengetahuan dan kemahiran yang perlu dipraktikkan di industri. Lantaran itu, pekerja terpaksa mempelajari sendiri kemahiran yang tidak di ajar di institusi pengajian di samping mengemaskini kemahiran tersebut atas inisiatif sendiri. Hujah ini berkait rapat dengan kajian yang menunjukkan bahawa hampir 43.4 peratus graduan bekerja dalam bidang yang tidak sepadan dengan program yang diambil di institut pengajian (Zaliza et al., 2014). Lebih membimbangkan apabila wujudnya masalah kekurangan tenaga kerja tempatan dalam industri pembinaan sebagaimana laporan Mohamad Yasir (2016).



Matlamat Program Diploma Teknologi Pembinaan adalah untuk melahirkan penyelia tapak binaan yang memerlukan seseorang pelajar itu mempunyai sekurangnya diploma selain kemahiran pekerjaan bagi mengoptimakan hasil kerja (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, 2018; Ling & Tan, 2015). Sehubungan itu, persiapan awal di peringkat KV penting berdasarkan kajian Maisarah (2012) yang menyatakan kesediaan diri graduan untuk menceburi bidang pekerjaan yang bersesuaian masih membelenggu mereka di samping tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya terhadap pekerjaan yang diceburi. Hal ini berkait rapat dengan kajian Fatimatuazzahro (2012) yang mendedahkan input berkaitan kemahiran yang diperlukan daripada pihak industri dalam kurikulum sedia ada sangat terhad dan hanya meliputi program seperti latihan industri sahaja. Lanjutan daripada itu, permasalahan graduan kurang pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan pasaran terus berlaku.





Hujah berkenaan graduan kurang pengetahuan dan kemahiran ini dikuatkan lagi oleh Serpell dan Ferrada (2006) yang mendedahkan kajian oleh *Chilean Construction Chamber study* berkenaan masalah kekurangan latihan formal untuk melayakkan seseorang graduan memegang tanggungjawab sebagai penyelia tapak binaan. Menurutnya lagi, ini menjadi antara penyebab meningkatnya kos pembinaan disebabkan kekurangan kemahiran merancang, berkomunikasi dan menyelia aktiviti kerja di tapak binaan. Hujah ini disokong oleh Maisarah Kamro (2012), yang menyatakan antara masalah yang mempengaruhi pelajar adalah kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk meneroka pengalaman baru serta menerima persekitaran pekerjaan. Menurutnya, sememangnya faktor kesediaan penting agar mereka tidak mengalami kejutan budaya apabila memasuki alam pekerjaan sebenar.




Penambahan elemen kemahiran berasaskan industri ke dalam kurikulum sedia ada telah diakui berkesan dan telah dipraktikkan di negara maju yang lain (Zhang, 2013). Bahkan Moses et al. (2016) turut mengesahkan bahawa elemen kemahiran industri telah diterapkan di dalam kurikulum di kebanyakan negara maju seperti Australia, Jerman, Amerika Syarikat dan Singapura. Ini membuktikan pendekatan kurikulum berasaskan industri sangat efektif dalam menjana modal insan yang menjadi teras dalam pembangunan sesebuah negara. Namun Zhang (2013) mendapati teori atau model bimbingan seumpamanya masih kurang diwujudkan. Sehubungan itu, pembangunan model berasaskan industri dilihat paling bersesuaian bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan industri (Azilah et al., 2017). Kesesuaian subjek PTA dapat dilihat berdasarkan peranannya yang menghimpunkan kesemua pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari sepanjang pengajian di KV dan



sebagai medan persediaan terakhir ke alam pekerjaan (Masli Irwan et al., 2017). Ini seiring dengan kajian Uziak (2015) yang turut memperlihatkan peranan PTA dalam melengkapkan pelajar untuk menghadapi senario alam pekerjaan sebenar.

Perbincangan dan sorotan kajian yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan terdapatnya kewajaran untuk dibangunkan model pelaksanaan PTA berasaskan industri bagi memastikan kualiti yang berterusan dan akhirnya memberi impak positif terhadap kurikulum KV itu sendiri. Hal ini bertepatan dengan cadangan Moses et al. (2016) yang menyatakan institusi vokasional perlu melaksanakan pembelajaran berasaskan pekerjaan bagi menghasilkan keluaran yang lebih berkualiti melalui kurikulum terkini berdasarkan keperluan industri. Ini diibaratkan strategi serampang dua mata kerana turut membenarkan industri memperoleh tenaga kerja yang lebih berkemahiran, berwibawa, mengurangkan kos latihan pekerja dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Sehingga pernyataan ini ditulis, masih kurang kajian berkaitan pelaksanaan PTA yang berasaskan industri dilakukan. Namun kepentingannya telah banyak diperjelaskan oleh kajian-kajian lepas seperti Healey, Lannin, Stibbe dan Derounian (2013), Ku dan Goh (2010) serta Vitner dan Rozenes (2009).



Rajah 1.2. Gambar rajah Pernyataan Masalah

1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan bagi meninjau aspek keperluan serta membangunkan satu model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan bagi program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional.

1.5 Rasional Kajian

Rasional kajian ini dilakukan adalah selari dengan hala tuju TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) di Malaysia ke arah bidang pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Oleh sebab usaha ini harus bermula pada peringkat awal di institusi pengajian lagi, maka ikhtiar mewujudkan model pelaksanaan berasaskan industri seumpama ini sangatlah bertepatan. Ini berdasarkan terhadap beberapa faktor berikut:

Pertama, masalah ketidaksepadanan kurikulum vokasional dengan kehendak industri boleh menggugat matlamat TVET dengan pelbagai permasalahan yang timbul terutamanya terhadap persiapan diri pelajar. Pelajar dilihat bermasalah menyesuaikan diri di industri serta kurang persediaan ke arah alam pekerjaan (Erina et al., 2014; Valdivia, 2017). Sehubungan itu, pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir ini mampu menutup kelompangan yang ada dengan mengemas kini dan menerapkan amalan kemahiran penyeliaan tapak binaan yang amat diperlukan untuk berkecimpung dalam industri pembinaan.

Kedua, tahap kebolehpasaran pelajar jurusan Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional mampu dipertingkatkan dengan adanya garis panduan yang mampu meningkatkan kemahiran sedia ada. Ia mampu meningkatkan kualiti pelajar yang dikeluarkan dan secara langsung dapat menangani pelbagai isu (kesediaan, pengetahuan dan kemahiran) yang menghantui para pelajar sebagaimana didedahkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Maisarah, 2012; Uziak, 2015).

Ketiga, berkaitan keperluan pendekatan kurikulum berasaskan industri yang terbukti berkesan dan telah diamalkan oleh negara-negara maju yang lain. Namun teori dan model bimbingan seumpamanya masih kurang diwujudkan (Moses & Wibawa, 2016; Zhang, 2013). Input terhadap kemahiran industri dalam kurikulum sedia ada pula amat terhad dan hanya meliputi program latihan industri sahaja. Sehubungan itu kelayakan graduan untuk memegang tanggungjawab sebagai penyelia tapak binaan terus dipertikaikan oleh pihak industri dan dipersalahkan antara penyebab meningkatnya kos pembinaan atas kelemahan pengurusan dan penyeliaan yang diperlukan.

Berdasarkan faktor-faktor yang telah dipaparkan di atas jelas menunjukkan bahawa usaha membangunkan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan ini mampu memberikan banyak kebaikan dan hasil yang positif. Ini merangkumi aspek penyediaan graduan yang memenuhi keperluan industri dalam tumpuan terhadap aspek ekonomi berteraskan pengetahuan dan kemahiran selaras dengan matlamat negara dalam bidang TVET (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

1.6 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan. Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang merupakan suatu bentuk penyelidikan sistematik melibatkan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian (Ritchey & Klein, 2007). Oleh yang demikian, objektif khusus kajian berdasarkan pendekatan DDR yang dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Mengenal pasti keperluan pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir bagi program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan di Malaysia.
- ii. Mereka bentuk dan membangunkan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir bagi Program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan di Malaysia.
- iii. Menilai kebolegunaan Model pelaksanaan Projek Tahun Akhir bagi Program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan di Malaysia.

1.7 Persoalan Kajian

Proses pembangunan model ini melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolegunaan. Berikut merupakan beberapa persoalan kajian yang telah dibentuk berdasarkan objektif kajian tersebut:

Fasa Satu : Analisis Keperluan

1. Adakah terdapat keperluan pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan?

- 1.1 Apakah tahap keperluan penerapan elemen kemahiran penyeliaan tapak binaan dalam Projek Tahun Akhir di Kolej Vokasional berdasarkan pandangan pelajar dan pakar program Diploma Teknologi Pembinaan?
- 1.2 Adakah terdapat keperluan membangunkan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan di Malaysia berdasarkan pandangan pelajar dan pakar program Diploma Teknologi Pembinaan?

Fasa Dua : Reka bentuk dan Pembangunan Model

2. Apakah reka bentuk dan pembangunan model pelaksanaan berasaskan industri pembinaan yang sesuai dijalankan bagi program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional?

Subfasa Reka Bentuk Komponen dan Elemen Model:

- 2.1 Apakah komponen bagi model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan berdasarkan pandangan kolektif pakar?
- 2.2 Apakah elemen dalam komponen bagi model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan berdasarkan pandangan kolektif pakar?

Subfasa Pembangunan Model:

- 2.3 Apakah turutan (keutamaan) elemen bagi setiap komponen model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan berdasarkan pandangan kolektif pakar?
- 2.4 Apakah bentuk model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan berdasarkan pandangan kolektif pakar?


Fasa Tiga : Penilaian kebolehgunaan

3. Apakah kesesuaian model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan?

- 3.1 Apakah kesepakatan pakar terhadap kesesuaian komponen model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan?
- 3.2 Apakah kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen dalam setiap komponen model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan?
- 3.3 Apakah kesepakatan pakar terhadap kesesuaian turutan elemen bagi setiap komponen model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan?
- 3.4 Apakah kesepakatan pakar terhadap kesesuaian keseluruhan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan?

1.8 Kerangka Teori Kajian


Dalam kajian ini, teori diibaratkan sebagai acuan kepada model yang bakal dihasilkan. Tanpa panduan daripada teori dan model yang berkaitan, dikhuatiri matlamat dan hala tuju pembangunan model kajian ini tersasar dan menemui kegagalan. Sehubungan itu, kerangka teori dibentuk bagi menggambarkan pegangan yang perlu dipatuhi sepanjang perjalanan kajian ini. Rajah 1.3 di bawah memaparkan teori-teori yang telah dipilih untuk kajian ini:



Rajah 1.3. Kerangka Teori Kajian

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) bagi membangunkan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan. Dengan bersandarkan teori dan model yang telah disebutkan, kerangka konseptual kajian adalah seperti berikut :



Rajah 1.4. Kerangka konseptual kajian

1.10 Definisi Istilah

Terdapat beberapa terminologi atau definisi istilah yang digunakan khusus bagi kajian ini. Berikut merupakan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.10.1 Model

Istilah model telah ditakrifkan oleh Stake (2004) sebagai... “*a model as a prototype or template or recipe or idea*”. Dalam konteks kajian ini, maksud model yang digunakan adalah suatu reka bentuk alat yang boleh digunakan sebagai panduan kepada pensyarah dan pelajar dalam mengajar dan mempelajari setiap elemen kemahiran penyeliaan tapak binaan bagi subjek Projek Tahun Akhir di Kolej Vokasional.

Penggunaan model ini merangkumi pihak pengajar dan pelajar di mana ia meliputi dua kategori model iaitu model produk dan model proses (O'Neill, 2010). Menurut O'Neill, dalam model produk pihak pengajar akan melakukan proses perancangan pengajaran. Apabila dikaitkan dengan kajian ini, model pelaksanaan Projek Tahun Akhir dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh tenaga pengajar dalam melatih dan menerapkan kemahiran berteraskan industri pembinaan terhadap pelajar. Manakala model proses pula menekankan aktiviti dan proses kerja yang akan dilaksanakan oleh para pelajar di mana proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar digunakan.

1.10.2 Kurikulum

Bidang pendidikan dan kurikulum merupakan dua aspek yang berkait rapat antara satu sama lain. Ini kerana kurikulum menggambarkan semua aktiviti yang dilaksanakan dalam bidang pendidikan dan melibatkan penglibatan menyeluruh pelbagai pihak yang terbabit dalam sistem tersebut (Abdul Rahim, 2007). Ini merangkumi proses pembelajaran oleh para pelajar, pendekatan pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dan bahan pengajaran yang digunakannya (Mohd Asnawi et al., 2010). Kurikulum juga merupakan satu perancangan yang dibuat sebagai satu garis panduan pembelajaran di sekolah ataupun di pusat-pusat pengajian. Ia biasanya digubah di dalam dokumen yang mempunyai beberapa tahap umum dan biasanya dilaksanakan di dalam suatu program. Namun demikian, sesuatu pengalaman yang diperoleh tidak kira di dalam kelas mahupun di luar turut dikatakan pembelajaran (Barnes, 1987).

Berdasarkan sorotan literatur tersebut, kurikulum dalam kajian ini mencerminkan dokumen garis panduan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran subjek Projek Tahun Akhir yang berasaskan industri pembinaan bagi program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional.

1.10.3 Projek Tahun Akhir (PTA)

Projek Tahun Akhir yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah subjek wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar program Diploma Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional sebelum layak menjalani latihan industri selama 4 bulan pada tahun akhir pengajian. Subjek ini merupakan prasyarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang

pelajar itu layak dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, 2018). Ia menghimpunkan kesemua pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pembelajaran di Kolej Vokasional serta mampu menentukan kualiti pelajar yang bakal dikeluarkan dan kualiti keseluruhan program secara amnya.

1.10.4 Kolej Vokasional

Kolej Vokasional (KV) merupakan institusi pendidikan di peringkat menengah atas bagi lepasan peringkat menengah rendah. Dalam maksud yang lain, pelajar yang telah tamat tingkatan tiga dan telah mengambil peperiksaan PT3 layak untuk memohon memasuki KV. Kemasukan pelajar ke KV seawal usia 16 tahun bagi mengikuti pengajian peringkat sijil dan diploma memperlihatkan keistimewaan KV berbanding institusi pengajian tinggi yang lain. Ia merupakan langkah positif dalam memupuk kemahiran di peringkat awal dan ini adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dalam usaha memenuhi permintaan tambahan sebanyak 1.3 juta pekerja dalam bidang vokasional menjelang tahun 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015)

Keputusan peperiksaan PT3 merupakan syarat utama kemasukan pelajar menengah rendah ke KV. Pelajar tersebut dipilih oleh satu jawatankuasa pemilihan peringkat KV dan proses ini dipantau oleh Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV). Dalam sasaran keberhasilan strategik daripada Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional 2011, telah disasarkan: (1) Enrolmen sebanyak



40 peratus dari pelajar peringkat menengah atas ; (2) bilangan sebanyak 274 kolej Vokasional dengan enrolmen 324,300 pelajar menjelang tahun 2020; (3) penghasilan tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti dengan kelayakan SVM dan DVM yang diiktiraf oleh industri; (4) pelajar berupaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi serta (5) kemampuan pelajar lepasan KV dalam mengendalikan perusahaan sendiri ataupun menjadi usahawan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Di KV, orientasi pembelajaran adalah berasaskan pekerjaan di mana sebahagian besar pembelajarannya bercorak amali ataupun “*hands-on*”. Oleh itu, pelajar perlu mengaplikasikan segala ilmu teori yang dipelajari dan menterjemahkannya dalam bentuk kemahiran amali di pusat latihan (Suhaili Hanafi, 2015).



1.10.5 Industri Pembinaan

Industri pembinaan telah tersenarai sebagai salah satu bidang penyumbang utama terhadap ekonomi negara. Ia boleh ditakrifkan sebagai binaan yang baru, penukaran, pembaikan dan perobohan terhadap struktur bangunan, jalan raya, jambatan dan infrastruktur lain (Abu Hassan, 2014). Pihak industri pembinaan bagi kajian yang dijalankan ini merujuk kepada syarikat kontraktor dan pemaju pembinaan di Malaysia. Kontraktor dan pemaju pembinaan yang dimaksudkan terbahagi pula kepada beberapa kategori seperti di bawah:

- i. Kontraktor dan pemaju bangunan atau umum yang terlibat dalam pembinaan bangunan kediaman, komersial, perindustrian dan lain-lain bangunan.



- ii. Kontraktor dan pemaju kejuruteraan awam yang terlibat dalam pembinaan jalan, lebuh raya, terowong, jambatan, longkang dan projek yang lain.
- iii. Kontraktor dan pemaju khas perdagangan yang melakukan aktiviti khusus lain yang berkaitan dengan pembinaan seperti pertukangan, paip, elektrik, mengecat dan sebagainya.

(Abu Hassan, 2014)

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mewujudkan suatu model pelaksanaan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional berasaskan industri pembinaan. Berdasarkan skop kajian serta kekangan yang wujud dalam pelbagai aspek, kajian ini terpaksa dibataskan terhadap beberapa perkara seperti berikut:

1.11.1 Kolej Vokasional

Kajian ini hanya memfokuskan pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir yang terdapat di Kolej Vokasional sahaja. Meskipun subjek Projek Tahun Akhir ini wujud dalam kebanyakan program di pelbagai pusat pengajian di seluruh Malaysia, pengkaji telah memilih Kolej Vokasional sebagai tumpuan kajian atas dua faktor berikut:

- i. Kolej Vokasional telah menyasarkan sebanyak 70 peratus pelajar keluarannya untuk memasuki alam pekerjaan. Ini merupakan angka yang sangat besar dan memerlukan perhatian yang khusus dalam pembentukan kurikulum. Justeru, pemilihan ini diharap dapat membantu menjayakan aspirasi Kolej Vokasional untuk melahirkan seramai mungkin tenaga kerja di sektor perindustrian selaras dengan hasrat kerajaan terhadap pembangunan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia.
- ii. Kolej Vokasional masih baru diperkenalkan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, perhatian khusus perlu diberikan terhadap perkembangan Kolej Vokasional supaya misi dan visi Kolej Vokasional dapat dicapai. Ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam memajukan bidang pendidikan teknik dan vokasional sebagai salah satu aspek penting dalam memacu kepada pembangunan negara.

1.11.2 Diploma Teknologi Pembinaan

Kolej Vokasional menawarkan sebanyak 52 program pengajian dalam pelbagai bidang di 72 buah Kolej Vokasional di seluruh Malaysia. Kesemua program ini menawarkan pengajian peringkat Diploma dan mewajibkan kesemua pelajar mengambil subjek Projek Tahun Akhir sebagai prasyarat sebelum seseorang pelajar itu layak menjalani latihan industri dan bergraduasi (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, 2018). Namun begitu, pengkaji hanya memilih pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan khusus untuk program Diploma Teknologi Pembinaan berdasarkan dua faktor berikut:

- i. Program Diploma Teknologi Pembinaan ditawarkan di kebanyakan Kolej Vokasional di seluruh Malaysia termasuklah di Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Sehubungan itu bilangan graduan yang dikeluarkan oleh program ini adalah ramai dan meliputi hampir keseluruhan bandar-bandar utama di Malaysia. Diharapkan melalui pembangunan model ini akan memberikan impak terhadap pembangunan sosioekonomi dan pembangunan sektor pembinaan di Malaysia khususnya.
- ii. Bidang pembinaan sering terdedah dengan perubahan dan perkembangan teknologi baru. Oleh itu diharap dengan kewujudan model ini, ia akan menjadi penanda aras dan panduan kepada pengkaji lain untuk mengemaskini kurikulum berdasarkan sebarang perubahan yang berlaku pada masa hadapan.

1.11.3 Industri Pembinaan

Kajian ini hanya dijalankan berdasarkan skop industri pembinaan. Ini kerana matlamat utama penubuhan program Diploma Teknologi Pembinaan adalah bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang bersedia memasuki bidang pekerjaan di industri pembinaan di Malaysia.

1.12 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini secara khususnya boleh dibahagikan kepada empat pihak iaitu pelajar, pensyarah, industri pembinaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) :

1.12.1 Pelajar

Pelajar merupakan pihak yang paling banyak menerima manfaat dalam pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir ini. Model ini dapat digunakan oleh para pelajar sebagai panduan pembelajaran di Kolej Vokasional dalam memperlengkapkan diri untuk menjadi seorang penyelia tapak binaan yang memahami dengan mendalam selok-belok sektor industri pembinaan di negara ini. Pelajar juga dapat memahami pembelajaran kemahiran penyeliaan tapak binaan dengan lebih cepat dan berkesan seterusnya menjadi lebih berkualiti, berdaya saing serta bersedia melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dalam industri pembinaan.

1.12.2 Pensyarah

Dengan adanya model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berasaskan industri pembinaan ini, pensyarah selaku pembimbing dan penyelia dapat membantu pelajar memahami dengan lebih mendalam mengenai amalan pekerjaan sebenar di sektor pembinaan serta melatih pelajar menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang Penyelia Tapak Binaan. Secara langsung, tahap kesediaan pelajar akan meningkat seterusnya membantu mereka untuk memperoleh pekerjaan kelak.



1.12.3 Industri

Penghasilan pelajar yang berkualiti, berdaya saing dan memenuhi keperluan industri akan memberikan banyak manfaat terhadap pihak industri itu sendiri. Kewujudan model ini dijangka dapat melatih dan melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran *hard skills* dan *soft skills* yang tinggi. Ini secara langsung memudahkan pihak industri dalam mendapatkan pekerja-pekerja yang mahir dan berkualiti. Ia juga dapat mengurangkan kos pihak majikan dalam menyediakan latihan-latihan pembangunan pekerja.

1.12.4 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



Dengan kewujudan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir ini, Kolej Vokasional khususnya serta institusi latihan lain seperti Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian dan universiti di seluruh Malaysia akan memperoleh model yang komprehensif, mudah difahami serta menepati keperluan industri pembinaan di Malaysia. Ia juga dapat dijadikan panduan terhadap penggubal modul dalam membangunkan modul kurikulum khusus bagi setiap elemen model yang dibangunkan. Ia juga dapat dijadikan rujukan bagi pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun akhir dalam bidang kejuruteraan yang lain pada masa hadapan.





1.13 Rumusan Bab

Bahagian ini merumuskan dan menerangkan secara terperinci justifikasi kajian ini dijalankan dan apakah bentuk kajian yang akan dilaksanakan. Pengenalan dan latar belakang kajian dibincangkan terlebih dahulu dan disusuli dengan pernyataan masalah. Tujuan kajian kemudiannya dikenal pasti dan alasan yang mendasari kajian ini pula diuraikan dalam rasional kajian. Ini diikuti dengan objektif kajian dan persoalan kajian. Ia diperkuatkan lagi dengan kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian bagi memperjelaskan secara ringkas perjalanan kajian ini. Seterusnya adalah berkaitan definisi istilah serta skop dan had kajian yang ditetapkan dalam batasan kajian. Akhir sekali adalah berkaitan pihak-pihak yang berkepentingan dan akan memperoleh manfaat dalam penghasilan model pelaksanaan ini. Melalui perbincangan bab pengenalan ini, diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap aspek-aspek awalan berkaitan pembangunan model pelaksanaan Projek Tahun Akhir berdasarkan industri pembinaan ini. Diharapkan kajian ini akan mampu memberikan jawapan terhadap permasalahan yang wujud seterusnya membantu pihak-pihak yang berkepentingan dalam meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan khususnya dalam sistem Kolej Vokasional di Malaysia.

